

7

KOORDINAT, NISBAH
DAN KADARAN

JARAK DI ANTARA DUA KOORDINAT

1) Satah Cartes menunjukkan lokasi rumah Farid dan tempat yang berhampiran.

Jarak setiap grid pada satah Cartes ialah 1 cm. Skala 1 cm ini mewakili 1 km jarak sebenar.



Skala
1 cm mewakili 1 km

a) Berapakah jarak mengufuk masjid dari rumah Farid dalam km?



5 cm mewakili jarak sebenar 5 km.

Jarak mengufuk masjid dari rumah Farid ialah **5 km**.

b) Jarak mencancang sebenar hotel dari rumah Farid ialah **2 km**.

c) Jarak mengufuk kampung nelayan dari rumah Farid dalam km ialah **5 km**.
Jarak mencancangnya pula ialah **2 km**.


d) Jarak sebenar pusat peranginan dari rumah Farid ialah **5 km** jarak mengufuk dan **2 km** jarak mencancang.

Nyatakan, dalam km, jarak mengufuk dan jarak mencancang restoran dari kampung nelayan.


NOTA GURU

- Imbas semula jarak mengufuk dan jarak mencancang suatu titik dari asalan pada sukuan pertama satah Cartes.
- Bincangkan jarak mengufuk dan jarak mencancang lokasi lain pada satah Cartes berdasarkan skala yang diberikan.

2. Satah Cartes menunjukkan kedudukan taman perumahan A, B, C, D, hospital dan stesen minyak.



Jarak 1 unit pada satah Cartes mewakili 100 000 unit jarak sebenar. Maka 1 cm pada satah Cartes mewakili 100 000 cm atau 1 000 m atau 1 km jarak sebenar.



Berapakah jarak mengufuk dan jarak mencancang sebenar, Taman A dari Taman C?

Taman	Jarak dari asalan	
	Jarak mengufuk	Jarak mencancang
C	100 000 cm = 1 km	100 000 cm = 1 km
A	600 000 cm = 6 km	500 000 cm = 5 km

	$\begin{array}{r} 6 \text{ km} \\ - 1 \text{ km} \\ \hline 5 \text{ km} \end{array}$	$\begin{array}{r} 5 \text{ km} \\ - 1 \text{ km} \\ \hline 4 \text{ km} \end{array}$	
beza jarak mengufuk			beza jarak mencancang

Jarak sebenar Taman A dari Taman C ialah **5 km jarak mengufuk** dan **4 km jarak mencancang**.

Cari jarak mengufuk dan jarak mencancang, dalam km, hospital dari Taman D.




Dengan menggunakan skala 1 : 100 000, cari jarak mengufuk P dari Q pada satah Cartes jika jarak mengufuk sebenar P dari Q ialah 7 000 m.



- Terangkan 100 000 cm adalah bersamaan dengan 1 km.
- Jelaskan skala pada satah Cartes digunakan untuk mewakili jarak sebenar.
- Bincangkan jarak mengufuk dan jarak mencancang bagi dua lokasi yang lain pada satah Cartes.

3. Satah Cartes menunjukkan lokasi rumah Khairil, perhentian bas, perhentian teksi, stesen MRT dan lapangan terbang.



- a. Berapakah jarak mengufuk, dalam km, dari rumah Khairil ke lapangan terbang?

Koordinat rumah Khairil

(1, 4)

Koordinat lapangan terbang

(5, 4)

Jarak mengufuk = 5 unit - 1 unit
= 4 unit

Jarak mengufuk dari rumah Khairil ke lapangan terbang ialah **4 km**.

- b. Berapakah jarak mengufuk dan jarak mencancang, dalam km, dari rumah Khairil ke perhentian bas?

Koordinat rumah Khairil (1, 4)

Koordinat perhentian bas (4, 2)

Jarak mengufuk
= 4 unit - 1 unit
= 3 unit

Jarak mencancang
= 4 unit - 2 unit
= 2 unit

Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang, dalam km, dari perhentian teksi ke stesen MRT.

Jarak dari rumah Khairil ke perhentian bas ialah

3 km jarak mengufuk dan 2 km jarak mencancang.

NOTA GURU

- Jalankan aktiviti yang sesuai untuk menentukan jarak mengufuk dan jarak mencancang berpujukan skala yang diberikan. Contohnya, kedudukan murid-murid di dalam kelas.



1. Satah Cartes menunjukkan kedudukan rumah Feng dan tiga orang rakannya.



- a. Nyatakan, dalam km, jarak mengufuk rumah Salim dari rumah Feng.
- b. Nyatakan, dalam km, jarak mencancang rumah Shalini dari rumah Feng.
- c. Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang sebenar rumah Jack dari rumah Feng.


Skala
1 cm mewakili 1 km

2. Satah Cartes menunjukkan lokasi empat buah pulau.

- a. Cari jarak mengufuk dan jarak mencancang sebenar:
 - Pulau Riang dari Pulau Rajin.
 - Pulau Seronok dari Pulau Baik.
- b. Nyatakan nama pulau dengan jarak mengufuk 3 km dan jarak mencancang 2 km dari Pulau Baik.



Skala
1 : 100 000



Satah Cartes menunjukkan kawasan rehat T dan bandar H di sebatang lebuh raya. Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang kawasan rehat T dari bandar H dalam km.

Skala
0 1 2 3 4 5 km

- Sediakan satah Cartes bagi aktiviti sendiri murid untuk menandakan kawasan berhampiran dengan rumah mereka pada satah Cartes dan mencari jarak mengufuk dan jarak mencancang sebenar berdasarkan skala yang dipilih.



NISBAH ANTARA DUA KUANTITI

1 Gambar menunjukkan aktiviti murid di dalam makmal sains.



Saya dan Rina akan membuat laporan eksperimen.

Baik. Kami berdua menjalankan eksperimen.



Nisbah ialah perbandingan ukuran atau nilai dengan ukuran atau nilai yang lain dan dinyatakan dalam bentuk termudah.

Apakah nisbah bilangan murid lelaki kepada bilangan murid perempuan?

Langkah 1



Nisbah bilangan murid lelaki kepada bilangan murid perempuan ialah 2 : 2.

Langkah 2



2 orang murid mewakili 1 kumpulan. Ada 1 kumpulan murid lelaki dan 1 kumpulan murid perempuan.



2 : 2 ditulis dalam bentuk termudah ialah 1 : 1.

Nisbah bilangan murid lelaki kepada bilangan murid perempuan ialah 1 : 1.

Nyatakan nisbah 5 : 5 dalam bentuk termudah.



NOTA GURU

- Tingkatkan pemahaman murid tentang konsep nisbah antara dua kuantiti dengan membuat kumpulan untuk memudahkan nisbah antara dua kuantiti.
- Tegaskan sebutan nisbah yang betul. Contohnya, nisbah 1 kepada 1.

2



Nyatakan nisbah bilangan buah mangga kepada bilangan buah manggis.

Cara 1

Langkah 1



Nisbah bilangan buah mangga kepada bilangan buah manggis ialah 6 : 4.

Langkah 2

Kumpul dua-dua

Ada 3 kumpulan buah mangga.
Ada 2 kumpulan buah manggis.



Nisbah bilangan buah mangga kepada bilangan buah manggis ialah 3 : 2.

6 dan 4 boleh
dibahagi dengan
2 tanpa baki.

Cara 2

$$\begin{array}{ccc} 6 : 4 & & \\ \div 2 & \left(\right) & \div 2 \\ 3 : 2 & & \end{array}$$

6 : 4 ditulis dalam bentuk termudah ialah 3 : 2.

Nisbah bilangan buah mangga kepada bilangan buah manggis ialah **3 : 2**.

3

KHAMIS

15 SEPTEMBER 2022

Nyatakan nisbah 3 kepada 9 dalam bentuk termudah.

Adam

$$\begin{array}{l} 3 : 9 \\ 1 : 4 \end{array}$$

Nisbah 1
kepada 4.

Safiya

$$\begin{array}{l} 3 : 9 \\ 1 : 3 \end{array}$$

Nisbah 1
kepada 3.

Jawapan siapakah
yang betul?
Bincangkan.



NOTA GURU

- Terangkan permudahkan nisbah adalah seperti permudahkan pecahan.
- Tegaskan nisbah tidak berubah nilai walaupun dipermudahkan.


4 Nyatakan nisbah 12 : 18 dalam bentuk termudah.

Cara 1

12 unit




18 unit



Dikumpulkan dua-dua.



6 kumpulan




9 kumpulan

Dikumpulkan tiga-tiga.

12 : 18 dipermudahkan menjadi 6 : 9.




2 kumpulan



3 kumpulan

6 : 9 dipermudahkan menjadi 2 : 3.

Cara 2



Bahagi 12 dan 18 dengan 2.

Bahagi 6 dan 9 dengan 3.

Cara 3



Cara yang manakah yang akan kamu pilih? Mengapa?

Nisbah 12 : 18 dinyatakan dalam bentuk termudah ialah **2 : 3**.

NOTA GURU


• Jalankan simulasi mengumpulkan objek dalam kumpulan dua-dua, tiga-tiga dan enam-enam untuk permudahkan nisbah antara dua kuantiti.

- 5 Ravi membeli 2 kg daging ayam dan 4 000 g daging kambing. Nyatakan nisbah jisim daging ayam kepada jumlah jisim daging ayam dan daging kambing yang dibelinya.

jisim daging
ayam
2 kg

jumlah jisim

$$2 \text{ kg} + 4\,000 \text{ g} = 2 \text{ kg} + 4 \text{ kg} \\ = 6 \text{ kg}$$



Samakan unit dahulu
sebelum mencari nisbah.



Nisbah jisim daging ayam kepada jumlah jisim daging ayam dan daging kambing ialah : .

- 6 Gambar menunjukkan harga bagi sehelai kemeja-T dan sehelai kemeja lengan panjang.

Kemeja-T

Kemeja lengan panjang



RM24



RM36

Nyatakan nisbah jumlah harga sehelai kemeja-T dan sehelai kemeja lengan panjang kepada harga sehelai kemeja-T.

jumlah harga

$$\begin{array}{r} \text{RM } 24 \\ + \text{RM } 36 \\ \hline \text{RM } 60 \end{array}$$

jumlah harga

harga kemeja-T

$$60 : 24$$



24 dan 60 boleh
dibahagi dengan 12
tanpa baki.



Nisbah jumlah harga sehelai kemeja-T dan sehelai kemeja lengan panjang kepada harga sehelai kemeja-T ialah : .

NOTA GURU

- Pelbagaikan soalan nisbah yang melibatkan situasi harian seperti nisbah penggunaan petrol sehari kepada penggunaan petrol seminggu.

7.2.1



Teliti kad gambar di atas. **Satu** kumpulan haiwan yang manakah apabila dibandingkan dengan **jumlah** dua kumpulan haiwan memberikan nisbah 2 : 3?




PROJEK RIA

Aktiviti berpasangan.

Bina carta atau peta pemikiran yang sesuai untuk menyatakan nisbah dalam bentuk termudah.

CONTOH

NISBAH



NOTA GURU

- Sediakan beberapa contoh soalan yang mencukupi untuk membantu murid membina carta, peta pemikiran atau mobil bagi aktiviti Projek Ria.
- Pamerkan hasil kerja murid atau boleh dijadikan pertandingan.



- ① Jamlah membuat sandwic, pai dan tat untuk anak-anaknya.



sandwic



pai



tat

Nyatakan nisbah:

- bilangan sandwic kepada bilangan pai.
 - bilangan pai kepada jumlah bilangan tat dan pai.
 - jumlah bilangan tat dan sandwic kepada bilangan tat.
- ② Gambar menunjukkan isi padu jus tembikai di dalam bekas R dan T.



Nyatakan nisbah isi padu jus tembikai di dalam bekas R kepada isi padu jus tembikai di dalam bekas T.

- ③ Jadual menunjukkan jisim makanan laut yang ditempah oleh keluarga Rachel.

Makanan laut	Ikan	Ketam	Sotong
Jisim	2 kg	1 500 g	500 g



Nyatakan nisbah:

- jisim ketam kepada jisim sotong.
 - jisim ikan kepada jumlah jisim ikan dan ketam.
 - jumlah jisim sotong dan ikan kepada jisim sotong.
- ④ Nyatakan nisbah 20 sen kepada RMI dalam bentuk termudah.

⑤



Nyatakan nisbah:

- jarak EF kepada jarak FG.
- jarak EF kepada jarak EG.
- jarak EG kepada jarak FG.



MENENTUKAN KUANTITI YANG BERKADARAN

1



Berapakah bilangan murid perempuan yang akan dipilih?

Cara 1

Gunakan model.

murid lelaki: 3 orang

murid perempuan: 2 bahagian

1 bahagian $\rightarrow$ 3 orang

2 bahagian $\rightarrow$ $2 \times 3 \text{ orang} = 6 \text{ orang}$

Cara 2

murid lelaki : murid perempuan

1 : 2

$\times 3$ $\times 3$

3 : 6

Bilangan murid perempuan = $2 \times 3 = 6$

Bilangan murid perempuan yang akan dipilih ialah **6 orang**.

Bilangan guru perempuan ialah 12 orang.
Nisbah bilangan guru lelaki kepada bilangan guru perempuan ialah 1 : 3. Kira bilangan guru lelaki.



NOTA GURU


- Bimbing murid menggunakan model untuk mewakili nisbah.
- Bimbing murid mencari nilai untuk satu unit dahulu. Imbas kembali kaedah unitari.

Nama murid	Zikri	Wong	Sudhar
Bilangan komik yang dibaca	12		



Nisbah bilangan komik yang dibaca oleh Zikri kepada bilangan komik yang dibaca oleh Wong ialah 3 : 2.
Hitung bilangan komik yang dibaca oleh Wong.

Cara 1



Cari untuk satu unit dahulu.

3 bahagian $\rightarrow$ 12 komik

1 bahagian $\rightarrow 12 \div 3 = 4$ komik

2 bahagian $\rightarrow 2 \times 4$ komik = 8 komik



Cara 2



Bilangan komik Wong
 2×4 komik = 8 komik

Bilangan komik yang dibaca oleh Wong ialah **8 buah**.

Nisbah bilangan komik yang dibaca oleh Zikri kepada bilangan komik yang dibaca oleh Sudhar ialah 4 : 3.
Kira bilangan komik yang dibaca oleh Sudhar.



Nisbah skor rumah sukan biru kepada skor rumah sukan hijau ialah 5 : 3.
Hitung skor rumah sukan hijau.

SKOR RUMAH SUKAN

BIRU	160
HIJAU	

3 Gambar menunjukkan jisim dua biji durian.



Nisbah jisim durian yang kecil kepada jisim durian yang besar ialah 1 : 3.

Cari:

- a jisim durian yang kecil.
- b jisim durian yang besar.

Cara 1



a 4 bahagian $\rightarrow$ 8 kg

1 bahagian $\rightarrow 8 \text{ kg} \div 4 = 2 \text{ kg}$

b 1 bahagian $\rightarrow$ 2 kg

3 bahagian $\rightarrow 3 \times 2 \text{ kg} = 6 \text{ kg}$

Cara 2

Durian	Kecil	Besar	Kecil dan besar
Bahagian	1	3	4
Jisim			8 kg

Bina jadual dan selesaikan.

a

$$\begin{array}{ccc} \times 2 & \begin{array}{c} 1 : 4 \\ \curvearrowright \end{array} & \times 2 \\ & 2 : 8 & \\ & 2 \text{ kg durian kecil} & \end{array}$$

b

$$\begin{array}{ccc} \times 2 & \begin{array}{c} 3 : 4 \\ \curvearrowright \end{array} & \times 2 \\ & 6 : 8 & \\ & 6 \text{ kg durian besar} & \end{array}$$

Jisim durian yang kecil ialah **2 kg**. Jisim durian yang besar ialah **6 kg**.

NOTA GURU

- Pelbagaikan soalan yang melibatkan situasi harian seperti panjang objek, tinggi murid, jisim badan murid dan isi padu cecair.



- 1 Lengkapkan nisbah yang berikut dalam bentuk termudah.

a $10 : 10$
 $\div \square \left(\begin{array}{c} \nearrow \\ \searrow \end{array} \right) \div \square$
 $1 : \square$

b $8 : 12$
 $\div 4 \left(\begin{array}{c} \nearrow \\ \searrow \end{array} \right) \div \square$
 $\square : \square$

c $16 : 30$
 $\div \square \left(\begin{array}{c} \nearrow \\ \searrow \end{array} \right) \div \square$
 $\square : 15$

- 2 Nyatakan nisbah dalam bentuk termudah.

a $4 : 14$

b $5 : 20$

c $8 : 24$

d $18 : 81$

e $32 : 28$

f

A	B	A : B
6 kg	30 kg	

g

A	B	A : B
4 l	12 l	

h

A	B	B : A
16 km	28 km	

- 3 Nisbah skor Rusdi kepada skor Anushia ialah $2 : 7$.
 Skor Rusdi ialah 8. Hitung skor Anushia.

Pemain	Skor
Rusdi	8
Anushia	

- 4 Jadual menunjukkan bilangan token merah di dalam sebuah kotak.
 Bilangan token hijau dan biru tidak ditunjukkan.

Token	Merah	Hijau	Biru
Bilangan	60		


- a Nisbah bilangan token merah kepada bilangan token hijau ialah $5 : 4$.
 Kira bilangan token hijau.
- b Nisbah bilangan token merah kepada bilangan token biru ialah $3 : 2$.
 Hitung bilangan token biru.

- 5 Nisbah wang tabungan Roslinda kepada wang tabungan Sherin ialah $3 : 8$.
 Jumlah wang mereka ialah RM66. Hitung wang tabungan:

a Roslinda.

b Sherin.

- 6 Rajah menunjukkan sebuah segi tiga bersudut tegak dan segi empat sama.




Nisbah perimeter segi tiga bersudut tegak kepada perimeter segi empat sama ialah $3 : 4$. Kira perimeter segi empat sama itu.



SELESAIKAN MASALAH

1. Gambar menunjukkan kedudukan Cikgu Norehan dan anak muridnya ketika belajar dalam talian. Cikgu Norehan bersoal jawab dengan Kaswini semasa proses pembelajaran. Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang, dalam km, Kaswini dari Cikgu Norehan.



Penyelesaian

Fahami soalan

- Skala 1 cm mewakili 1 km.
- Cari jarak Kaswini dari Cikgu Norehan.

Selesaikan



Jarak mengufuk = 3 km
Jarak mencancang = 1 km

Fikir cara

Tandakan jarak mengufuk dan jarak mencancang pada satah Cartes.

Semak

Koordinat Cikgu Norehan $(2, 5)$
Koordinat Kaswini $(5, 4)$

Jarak mengufuk = $5 \text{ km} - 2 \text{ km}$
 $= 3 \text{ km}$

Jarak mencancang = $5 \text{ km} - 4 \text{ km}$
 $= 1 \text{ km}$

Jarak Kaswini dari Cikgu Norehan ialah 3 km jarak mengufuk dan 1 km jarak mencancang.

Siapakah yang berada 1 km jarak mencancang dan 3 km jarak mengufuk dari Cikgu Norehan?



NOTA GURU

- Bimbing murid menyelesaikan masalah dengan kaedah melukis pada satah Cartes.
- Minta murid mencari kedudukan siapa yang paling jauh dari Cikgu Norehan.
- Tegaskan penggunaan skala untuk menentukan jarak.

- 2 Kelas 6 Meteor ada 15 orang murid lelaki dan 18 orang murid perempuan. Seorang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan telah berpindah sekolah. Hitung nisbah bilangan terkini murid lelaki kepada bilangan terkini murid perempuan.


Penyelesaian

Murid	Lelaki	Perempuan
Bilangan asal	15	18
Bilangan yang berpindah	1	2
Bilangan terkini	14	16

Nisbah bilangan terkini murid lelaki kepada bilangan terkini murid perempuan ialah 14 : 16.



Kumpulkan dua-dua.



14 : 16 dipermudahkan menjadi 7 : 8.

Semak

$$\begin{array}{ccc} & 7 : 8 & \\ \boxed{\times 2} & \swarrow \quad \searrow & \boxed{\times 2} \\ & 14 : 16 & \end{array}$$

Hitung nisbah bilangan terkini murid lelaki kepada jumlah bilangan terkini murid lelaki dan perempuan.




Nisbah bilangan terkini murid lelaki kepada bilangan terkini murid perempuan ialah 7 : 8.

NOTA GURU

- Bimbing murid menggunakan perwakilan untuk menyatakan nisbah antara dua kuantiti.

- 3 Encik Kamarul memandu dari rumah ke bandar P dan kemudian dari bandar P ke bandar Q. Jumlah jarak dari rumah ke bandar Q melalui bandar P ialah 45 km. Nisbah jarak dari rumah ke bandar P kepada jarak dari bandar P ke bandar Q ialah 4 : 5. Berapakah jarak dari bandar P ke bandar Q?

Penyelesaian



9 bahagian $\rightarrow$ 45 km

1 bahagian $\rightarrow$ $45 \text{ km} \div 9 = 5 \text{ km}$

5 bahagian $\rightarrow$ $5 \times 5 \text{ km} = 25 \text{ km}$

Semak

Lokasi	Rumah ke bandar P	Bandar P ke bandar Q	Rumah ke bandar Q
Bahagian	4	5	9
Jarak			45 km



Jarak dari bandar P ke bandar Q ialah 25 km.

Hitung nisbah jarak dari rumah Encik Kamarul ke bandar P kepada jarak dari rumah Encik Kamarul ke bandar Q melalui bandar P.



Nisbah wang Mark kepada wang Faizal ialah 6 : 1. Jumlah wang mereka ialah RM56. Mark memberikan separuh daripada wangnya kepada Faizal. Hitung nisbah wang Mark yang terkini kepada wang Faizal yang terkini.

NOTA GURU

- Bina soalan seperti Cerdas Minda untuk meningkatkan daya pemikiran murid.




CELIK MINDA

1. Satah Cartes menunjukkan kedudukan empat buah kampung, A, B, C dan D.



Encik Lim tinggal di kampung yang mempunyai jarak mengufuk dan jarak mencancang yang sama dari kampung D.

- a Kira jarak mengufuk dan jarak mencancang, dalam km, kampung B dari kampung A.
- b Hitung jarak mengufuk dan jarak mencancang, dalam km, kampung Encik Lim dari kampung D. Nyatakan kampung Encik Lim.



2. Terdapat 44 biji guli hijau dan 8 biji guli merah di dalam sebuah kotak. Rakesh telah mengeluarkan 8 biji guli hijau dan telah menambahkan 4 biji guli merah ke dalam kotak yang sama. Hitung nisbah bilangan guli hijau yang terkini kepada bilangan guli merah yang terkini di dalam kotak itu.
3. Rozi telah membeli reben ungu dan reben kuning. Nisbah panjang reben ungu kepada panjang reben kuning ialah $2 : 9$. Panjang reben kuning ialah 630 cm. Berapakah panjang, dalam cm, reben ungu itu?
4. Seramai 60 ahli pasukan Pengakap dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) telah menyertai kempen antidadah peringkat daerah. Nisbah bilangan ahli Pengakap kepada bilangan ahli BSMM ialah $7 : 5$. Hitung bilangan ahli Pengakap yang menyertai kempen itu.
5. Gambar menunjukkan isi padu jus limau di dalam jag J dan gelas K. Nisbah isi padu jus limau di dalam jag J kepada isi padu jus limau di dalam gelas K ialah $7 : 2$. Isi padu jus limau di dalam jag J ialah 400 mL lebih daripada isi padu jus limau di dalam gelas K. Hitung isi padu, dalam mL, jus limau di dalam gelas K.




NOTA GURU

- Banyakkan soalan yang melibatkan ukuran dan sukatan untuk mengukuhkan pemahaman murid.



UJI MINDA

1



Satah Cartes menunjukkan kedudukan tiga pasar mini kepunyaan Encik Rosham. Nyatakan, dalam km, jarak mengufuk dan jarak mencancang:

- pasar mini F dari pasar mini G.
- pasar mini E dari pasar mini F.
- pasar mini E dari pasar mini G.


Skala
1 cm mewakili 1 km

2 Nyatakan nisbah berikut dalam bentuk termudah.

- 3 : 15
- 9 : 54
- 6 : 14
- 24 : 4
- 64 : 72

3 a Nisbah P : Q ialah 3 : 7. Cari nilai P jika nilai Q ialah 35.

b




Nisbah panjang RS kepada panjang ST ialah 1 : 5. Cari panjang:

RS.

ST.

4 Selesaikan masalah berikut.

a



Satah Cartes menunjukkan kedudukan dua tempat bersejarah di sebuah pulau. Rizal sedang melawat tempat bersejarah R. Dia hendak ke tempat bersejarah T dari tempat bersejarah R. Nyatakan jarak mengufuk dan jarak mencancang sebenar tempat bersejarah T dari tempat bersejarah R.

Skala
0 1 2 3 4 5 km

- Umur Isaac ialah 13 tahun dan adiknya berumur 5 tahun. Nyatakan nisbah umur Isaac kepada umur adiknya selepas 7 tahun.
- Martin ada RM90. Nisbah wang yang dibelanjakan untuk makanan kepada wang yang dibelanjakan untuk tambang teksi ialah 2 : 3. Berapakah wang yang dibelanjakan untuk makanan?
- Nisbah bilangan pelancong Thailand kepada bilangan pelancong Korea ialah 4 : 9. Jumlah pelancong Thailand dan Korea ialah 104 orang. Berapakah beza antara bilangan pelancong Thailand dengan Korea?

NOTA GURU

- Gunakan skala yang berbeza untuk soalan 1 sebagai aktiviti lanjutan.
Contohnya:



KEMBARA MATEMATIK

Jawab soalan. Isikan huruf yang mewakili jawapan dalam petak di bawah mengikut nombor soalnya untuk mendapatkan kod rahsia.

① Nyatakan nisbah 36 kepada 20 dalam bentuk termudah.

②



Satah Cartes menunjukkan kedudukan bandar V dan kampung W. Jarak bandar V dari kampung W ialah s jarak mengufuk dan t jarak mencancang. Cari nilai s dan t .

③ Nisbah nilai A kepada nilai B ialah $8 : 3$. Nilai A ialah 24. Cari nilai B.

④ Kasim dan Jamil berkongsi wang membeli sehelai baju berharga RM48. Nisbah wang Kasim kepada wang Jamil ialah $5 : 7$. Berapakah wang yang dikeluarkan oleh Kasim?

⑤ Dalam suatu resipi, nisbah bilangan sudu besar garam kepada bilangan sudu besar lada hitam ialah $2 : 3$. Jisim garam yang digunakan ialah 10 g. Berapakah jisim, dalam g, lada hitam?

⑥ Permudahkan nisbah $8 : 14$.

⑦ Nyatakan nisbah RM25 kepada RM40 dalam bentuk termudah.

Soalan 8 hingga 10 berdasarkan rajah di bawah.



⑧ Nyatakan nisbah bilangan  kepada bilangan .

⑨ Nyatakan nisbah bilangan  kepada jumlah bilangan bentuk.

⑩ Nyatakan nisbah jumlah bilangan bentuk kepada bilangan .

Belon jawapan

2 : 1

J

9 : 5

A

9

I

RM20

S

$s = 3$ km

$t = 4$ km

T

RM28

R

25 g

U

15 g

E

5 : 8

H

3 : 2

S

1 : 3

E

$s = 3$ cm

$t = 4$ cm

M

4 : 7

W

KOD
RAHSIA

10	5	7	1	2	3
4	9	8	3	6	1